

16 NOV 2001

MAHATHIR-WTO

PUSINGAN BARU HANYA APABILA AGENDA DITENTUKAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Satu pusingan baru rundingan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mungkin boleh dimulakan dalam tempoh dua tahun lagi hanya apabila agendanya ditentukan terlebih dahulu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan mengenai keganasan di sini, hari ini, beliau mengulangi pendirian Malaysia bahawa tiada sebarang pusingan baru rundingan akan dimulakan melainkan agendanya telah ditentukan.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai mesyuarat WTO di Doha, Qatar, yang berakhir baru-baru ini di mana para perwakilan bersetuju kepada satu pusingan baru rundingan.

Dilaporkan bahawa tahun 2002 akan dijadikan sebagai tarikh kepada negara-negara untuk menyerahkan pendirian rundingan dan tawaran mereka dalam pelbagai sektor yang dirangkumi oleh pusingan itu dan rundingan sebenarnya hanya akan diadakan dalam tempoh dua tahun seterusnya.

Semalam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang menghadiri mesyuarat di Doha itu memberitahu pemberita bahawa Malaysia bersedia untuk membincangkan empat isu-isu baru seperti yang dipersetujui oleh WTO, dalam tempoh dua tahun lagi.

Isu-isu itu adalah - pelaburan, alam sekitar, dasar persaingan dan pemerolehan kerajaan - yang sebelum ini ditolak oleh negara-negara membangun kerana tidak mempunyai kapasiti untuk menanganinya.

Pada sidang media itu, Dr Mahathir berkata Malaysia bukan menentang pusingan baru itu tetapi hanya tidak mahu isu-isu luar seperti buruh kanak-kanak dimasukkan ke dalam agenda.

"Kita hanya mahu berbincang mengenai perdagangan," tambahnya. --

BERNAMA

SHO SEL ZK